

24 JUN 2000

ICFM-Syed Hamid

OIC PERLU PEMBAHARUAN UNTUK KIKIS TANGGAPAN NEGATIF

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Menjelang Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) ke-27 di sini mulai Selasa ini, Malaysia mahu Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) diberi nafas baru melalui penyusunan semula sekretariat pertubuhan itu.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia mahu OIC bersikap lebih aktif dan proaktif untuk memenuhi kehendak negara-negara Islam.

Beliau memberitahu pemberita di sini bahawa OIC perlu diperbaharui bagi menghadapi globalisasi serta untuk memperbaiki tanggapan negatif sesetengah pihak mengenai pertubuhan itu.

Katanya OIC yang berusia lebih 30 tahun seharusnya lebih matang dalam memasuki dunia global pada abad ke-21 dan alaf baru.

"Ini bermakna kita harus membuat perkiraan terhadap peranan OIC, apakah peranan kita dan apakah kejayaan kita seterusnya," katanya selepas merasmikan majlis pengukuhan ikatan bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Penyelidikan Sejarah, Seni dan Budaya Islam (IRCICA).

Dalam persidangan itu pelbagai usul baru untuk perbaharuan akan dibincangkan seperti globalisasi, kerangka kewangan antarabangsa baru, rangkaian dalam sistem perdagangan dan kesan kemajuan teknologi komunikasi kepada kedaulatan negara-negara OIC, katanya.

Beliau berkata perkara itu akan dibincangkan berdasarkan tema "Islam and Globalisation".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan ICFM. Persidangan empat hari itu juga akan dihadiri oleh Setiausaha Agung OIC Dr Azeddine Laraki.

Sebanyak 1,000 anggota perwakilan dari negara-negara anggota OIC akan menghadiri mesyuarat itu yang dianjurkan kali kedua oleh Malaysia. Kuala Lumpur menjadi tuan rumah mesyuarat itu pada 1974.

OIC yang dibentuk pada 1969, mengandungi 56 negara anggota dan empat negara pemerhati termasuk Bosnia dan Herzegovina serta Thailand.

Syed Hamid berkata apa yang penting ialah untuk menjadikan OIC dihormati sebagai sebuah organisasi negara Islam yang dapat turut serta dalam proses globalisasi dunia.

"Walaupun OIC ini gagal, menurut tanggapan orang, jika diteliti dengan baik ia ada manfaat. Salah satunya ialah OIC telah merapatkan jalinan antara negara Islam seluruh dunia yang mempunyai latar belakang yang berlainan.

"Pertubuhan itu juga berjaya memberikan pengetahuan dari segi sistem yang wujud dalam negara-negara OIC dan meningkatkan perdagangan diantara negara ahli OIC," katanya.

Syed Hamid berkata buat masa ini, sekretariat OIC dilihat sebagai tidak begitu berkesan dan tanggapan itu harus dibetulkan supaya sekretariat itu mampu memberi perkhidmatan terbaik kepada anggota OIC.

Katanya beliau melihat kepada kemungkinan untuk membina kekuatan OIC kerana berdasarkan hasil sumber negara dan tenaga manusia yang ramai daripada negara-negara OIC.

Syed Hamid berkata apa yang beliau ingin mempertingkatkan dan memberi tumpuan ialah kerjasama dalam bidang yang mempunyai persamaan tetapi bukan dalam bidang politik.

"Dalam dunia sekarang, perkara penting yang harus diteliti adalah dalam bidang ekonomi dan perdagangan dan juga kapasiti kemampuan negara-negara OIC yang begitu besar sekali," katanya.

Katanya ICFM akan menghasilkan banyak resolusi termasuk mengenai Iraq, Kashmir dan Chechnya.

Mengenai jawatan setiausaha agung OIC, Syed Hamid berkata Bangladesh,

Turki dan Maghribi berminat untuk menawarkan calon bagi jawatan itu yang akan menjadi kosong tahun depan.

Malaysia pula akan menawarkan calon untuk jawatan penolong setiausaha agung.

-- BERNAMA

MRA ES MAI